

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
UNIT LATIHAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BHARU

OLEH

SHEERILA BTI RAMLEE

Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1:2620

Perdustaraan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039841

LI 83 FPE 1 2005



1100039841

Laporan akhir latihan industri di Unit Latihan Majlis Bandaraya Johor Bharu / Sheerila Ramlee.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039841

1100039841

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI UNIT
LATIHAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

OLEH

SHEERILA BINTI RAMLEE
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


2005

1100039841

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **SHEERILA BINTI RAMLEE (UK 8519)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



Nama: SHEERILA BINTI RAMLEE

Tarikh: 22 SEPTEMBER 2005

Disahkan oleh:



PUAN RUZAINI BTE SULAIMAN@ABD RAHIM
Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalammualaikum dan salam sejahtera,

Di dalam penghargaan ini saya sangat bersyukur ke hadrat Illahi kerana dapat menyiapkan laporan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengikuti program Latihan Industri di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak MBJB yang bermurah hati menerima saya untuk menjalankan latihan industri di situ. Tidak lupa juga penghargaan kepada penyelia KUSTEM Pn. Ruzaini bte Sulaiman@Abd Rahim dalam memberi tunjuk ajar dan perhatian kepada saya untuk menjalani latihan industri. Tidak mungkin lupa juga keluarga saya yang banyak membantu saya dan di sini juga saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada warga pekerja Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam memberi bantuan dan tunjuk ajar bagaimana membuat sesuatu kerja.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Pengesahan Keaslian Laporan	i
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Ringkasan Eksekutif	vi

BAB SATU: LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Latihan Industri	1
1.3 Kepentingan Latihan Industri	2
1.4 Sejarah Ringkas Majlis Bandaraya Johor Bahru	2
1.5 Wawasan, Misi Dan Objektif Majlis Bandaraya Johor Bahru	3
1.6 Fungsi Majlis Bandaraya Johor Bahru	4
1.6.1 Piagam Pelanggan Majlis Bandaraya Johor Bahru	4
1.6.2 Logo, Jata Dan Bendera Majlis Bandaraya Johor Bahru	6
1.6.3 Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru	10
1.7 Latarbelakang Organisasi	11
1.8 Carta Organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru	12
1.8.1 Struktur Organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru	12
1.8.2 Bahagian Sumber Manusia Di Majlis Bandaraya Johor Bahru (Pentadbiran)	14

1.8.3	Senarai Tugas Kakitangan Di Unit Latihan	16
1.9	Aktiviti Organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru	19
1.10	Kekuatan Organisasi	23
1.10.1	Keselamatan Majlis Bandaraya Johor Bahru	23
1.11	Kemahiran Yang Dipelajari	24

**BAB DUA: SISTEM SEDIA ADA, PENGENALPASTIAN MASALAH
DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1	Pengenalan	29
2.2	Sistem Sedia Ada	29
2.2.1	Sistem Pengurusan Berkomputer	30
2.2.2	Sistem Kad Perakam Waktu ‘Punch Card’ Dan Bacaan Al-Quran	30
2.2.3	Sistem Pemfailan	31
2.2.4	Sistem Surat Menyurat	32
2.2.5	Sistem Perkhidmatan Layanan Berkualiti	32
2.2.6	Sistem Fail Meja	34
2.2.7	Sistem Pengurusan Personel Jabatan (Sispen)	35
2.3	Mengenalpasti Masalah	36
2.3.1	Masalah Pengurusan Sistem Fail (Manual)	36
2.3.2	Bilangan Peralatan Pejabat Yang Tidak Mencukupi	36
2.3.3	Penyalahgunaan Komputer Dan Telefon	37
2.3.4	Sikap Tidak Mengambil Berat Dalam Pengurusan Waktu	37
2.3.5	Masalah Kekurangan Kakitangan	38
2.3.6	Semakan Kehadiran Kakitangan Secara Manual	38

2.4	Penyelesaian Masalah	39
2.4.1	Menggunakan Sistem Berkomputer Dalam Penyimpanan Fail	39
2.4.2	Memperuntukkan Kos	39
2.4.3	Memantau Penggunaan Komputer Dan Telefon	39
2.4.4	Meningkatkan Kesedaran Akan Tanggungjawab Terhadap Kerja	40
2.4.5	Pembahagian Kerja Yang Adil Dan Pengambilan Pekerja Khidmat Singkat	41
2.4.6	Menggunakan Sistem Komputer Semakan Kehadiran	41
2.5	Analisis SWOT	42
BAB TIGA: PENUTUP		47
BIBLIOGRAFI		50
LAMPIRAN		51

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri adalah teras program iaitu kepada program-program pengajian di Falkuti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) umumnya manakala adalah wajib bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial khususnya. Ia adalah keperluan untuk bergraduat dan merupakan enam jam kredit. Latihan Industri adalah merupakan penempatan pelajar di dalam Industri. Menurut (Jawatankuasa Latihan Praktik dan Industri, 2005) pelajar-pelajar akan ditempatkan samada di agensi awam atau swasta. Tempoh latihan adalah selama 12 minggu iaitu bermula pada 21 Mac 2005 sehingga 10 Jun 2005. Sepanjang menjalani Latihan Industri, pelajar-pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan melibatkan diri secara langsung dalam sesuatu bidang pekerjaan. Di samping itu pelajar juga berpeluang untuk mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi itu.

Pelajar-pelajar Latihan Industri mempunyai dua orang penyelia iaitu penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) iaitu Pn. Ruzaini bte Sulaiman@Abd Rahim dan penyelia industri iaitu Pn. Fatimah bte Ibrahim (Penolong Pegawai Tadbir N27, MBJB). Penyelia KUSTEM adalah pensyarah yang telah ditetapkan oleh JLPI yang bertanggungjawab untuk menyelia, perancangan kerja, membuat pemantauan di organisasi, menyemak laporan dan memberi penilaian kepada pelajar yang merangkumi 70 peratus daripada jumlah markah keseluruhan. Manakala penyelia industri adalah kakitangan yang telah dilantik oleh organisasi di mana tanggungjawab beliau adalah merangkumi penilaian sebanyak 30 peratus sepanjang pelajar berada di organisasi. Penilaian oleh penyelia industri pula adalah merangkumi penilaian mengenai organisasi itu sendiri.

Sepertimana program-program yang lain, latihan industri mempunyai objektifnya yang tersendiri iaitu sebagai pendedahan kepada pelajar untuk menimba pengalaman mengenai situasi kerja sebenar. Pengalaman yang dikutip ini akan dapat dijadikan sebagai pendedahan awal sebelum pelajar memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Oleh itu pendedahan ini amat penting bagi pelajar untuk membentuk sikap seorang pekerja yang dikehendaki oleh pasaran tenaga kerja pada hari ini.

Selain itu, pelajar juga dapat menambahkan pengetahuan mengenai organisasi. Seterusnya pengetahuan ini akan dapat digunakan untuk diaplikasikan dengan perspektif masa depan program Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk melahirkan pegawai tadbir yang berwibawa. Pendedahan mengenai peranan, tanggungjawab, ciri-ciri serta kelayakkan untuk menjadi pegawai yang berkhidmat dalam kumpulan pengurusan dan professional gred N41 dapat difahami dengan lebih jelas melalui pemerhatian sepanjang menjalani latihan (Jawatankuasa Latihan Praktik dan Industri, 2005).

Akhir sekali laporan ini akan membincangkan mengenai Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) iaitu aspek-aspek yang menerangkan mengenai latarbelakang organisasi, peranan yang dimainkan terhadap tanggungjawab memberikan perkhidmatan kepada masyarakat Johor Bahru dalam bab 1. Seterusnya bab 2 pula akan membincangkan mengenai sistem-sistem yang ada di MBJB, pengenalpastian masalah serta langkah-langkah menyelesaikan masalah. Selain itu, dalam bab ini juga membincangkan analisis SWOT bagi organisasi tersebut. Manakala dalam bab 3 merupakan penutup bagi laporan Latihan Industri yang dijalankan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.